

KAJIAN PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK UNGKU OMAR TERHADAP LAMAN WEB e-PEMBELAJARAN YANG MENGGUNAKAN APLIKASI DOKEOS

Hazwani Ubaidillah¹, Nik Mohd Iznan Tuan Yaakub¹

¹Politeknik Ungku Omar
hazwanihamdan@gmail.com
nimoizty@gmail.com

ABSTRAK

E-Pembelajaran merupakan proses pengajaran dan pembelajaran gaya kontemporari menggunakan rangkaian digital. Konsep e-pembelajaran lebih fleksibel, mampan, interaktif, kolaboratif dan memenuhi citarasa pelajar generasi moden yang suka menggunakan internet. Proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik khususnya dan lain-lain institusi amnya telah mengalami banyak perubahan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Penghasilan laman web e-pembelajaran menggunakan aplikasi Dokeos membolehkan pensyarah dan pelajar berkomunikasi dengan mengadakan perbincangan secara dalam talian, memuat naik nota kuliah pada bila-bila masa serta apa-apa pemberitahuan secara pantas. Para pelajar juga boleh memberi maklum balas terhadap pengajaran pensyarah, memuat turun nota kuliah, berinteraksi secara maya serta pelbagai faedah lain. *Hosting* dan *domain* untuk membina laman web ini dibeli dari pihak pembekal iaitu netkl.com. Sistem yang digunakan untuk membangunkan laman web ini menggunakan perisian Dokeos dengan php 5.6. Dengan aplikasi e-pembelajaran yang telah dibangunkan, pelajar lebih seronok menggunakan internet. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa antara skor min tertinggi yang diperolehi ialah stail yang digunakan dari laman ke laman membuatkan laman web e-pembelajaran ini menarik dengan skor min 4.92. Ini diikuti dengan nota teori iaitu informasi yang diberikan dalam laman web disampaikan dengan jelas iaitu skor min 4.84 selain fail boleh dimuat turun dengan mudah dengan skor min 4.82.


Kata kunci: *E-Pembelajaran, Pembelajaran Digital, Aplikasi Dokeos*

1. Pengenalan

Menurut Idrus et. al (2019), perkembangan e-pembelajaran di Malaysia masih baru jika dibandingkan dengan negara-negara barat dan Singapura. Malaysia terarah kepada pembelajaran jarak jauh dan dalam talian yang kebanyakannya ditawarkan di peringkat universiti serta kolej swasta yang mempunyai usahasama dengan universiti luar negara dimana yuran yang dikenakan agak mahal dan tinggi. Untuk terus maju, Malaysia perlu terus memperkasa sistem e-pembelajaran supaya tidak ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan global. E-pembelajaran merupakan antara wahana penting dalam konteks memperkasa sistem pendidikan selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Setiap pensyarah di politeknik seharusnya mempersiapkan diri dengan penggunaan teknologi maklumat dan bukan hanya bergantung kepada sesi kuliah dalam kelas semata-mata.

Menurut Zhang (2013), e-pembelajaran membolehkan pelajar mengakses sumber pendidikan dengan lebih meluas selain pembelajaran kendiri yang membolehkan upaya pendidikan secara menyeluruh dari pelbagai generasi, negara, budaya dan latar belakang. Sistem pendidikan moden seharusnya berpaksi kepada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi canggih untuk memantapkan daya intelek pelajar. E-pembelajaran sinonim dengan istilah pembelajaran bersepada (*blended learning*), pembelajaran rangkaian (*network learning*), pembelajaran dalam talian (*online learning*) dan sebagainya yang menggunakan komputer dan rangkaian sebagai platform untuk belajar (Wong, 2011). Terdapat banyak faktor yang mendorong pelajar untuk menggunakan teknologi *Learning Management System* (LMS). Menurut Shiun (2007), antara faktor-faktor penting ialah kursus teknologi yang diberikan, kebimbangan terhadap teknologi, efektif pengajaran dengan menggunakan teknologi moden, kesediaan terhadap teknologi moden, pengertian terhadap halangan, kebimbangan terhadap teknologi dan kepunyaan rangkaian internet di rumah.

Terdapat banyak aplikasi e-pembelajaran sistem terbuka yang boleh digunakan. Antara yang popular ialah Chamilo, Moodle, eFront, Xerte, Atutor, Ilia, Sakai, Claroline, dan Olat. Untuk kajian ini, sistem e-pembelajaran yang dibangunkan menggunakan aplikasi Dokeos dengan php 5.6. Antara perkara yang menarik dalam laman web e-learning ini ialah sistem canggih yang dilengkapi dengan medium dokumen, modul, link, kuiz, pengumuman, forum, soal selidik, blog dan banyak lagi. Aplikasi LMS yang menggunakan Dokeos terbukti berkesan dalam upaya teknologi digital.



Rajah 1. Paparan antaramuka laman web e-pembelajaran yang menggunakan Dokeos

Rajah 1 menunjukkan paparan antara muka aplikasi Dokeos. Terdapat banyak kelebihan penggunaan e-pembelajaran menggunakan Dokeos. Antaranya ialah:

- i. Proses pembelajaran boleh berlaku sepanjang masa iaitu 24 sehari dan 7 hari seminggu.
- ii. Pelajar boleh mengakses sumber-sumber pengajaran yang disediakan oleh pensyarah pada bila-bila masa sahaja.
- iii. Suasana pembelajaran kondusif yang menyeronokkan dengan aplikasi grafik, teks, animasi, video dan multimedia yang moden.
- iv. Meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi pelajar untuk terus meneroka perkembangan teknologi moden.
- v. Menerapkan konsep pembelajaran kendiri dengan pemantauan minima dari pensyarah.

2. Metodologi

Kaedah pengumpulan data kuantitatif yang dijalankan ke atas pelajar terpilih di Politeknik Ungku Omar adalah melalui agihan borang soal selidik. Menurut Fauzi et. al (2014), soal selidik mempunyai kelebihan berbanding kaedah yang lain kerana melibatkan kos yang murah serta tidak memerlukan banyak menyoal. Soal selidik yang dikemukakan melibatkan tiga bahagian iaitu latarbelakang responden, penilaian terhadap laman web e-pembelajaran dan kegunaan serta kesesuaian pembangunan laman web. Jadual 1 menunjukkan bahagian, aspek kajian dan jumlah soalan yang dikemukakan dalam kajian yang telah dijalankan.

Jadual 1. Pembahagian dan taburan bilangan soalan soal selidik

BAHAGIAN	ASPEK KAJIAN	JUMLAH SOALAN
I	Latarbelakang responden	3
II	Penilaian terhadap laman web e-Learning yang dibangunkan	
	Mesra pengguna	4
	Interaktiviti dan rekabentuk	8
III	Kegunaan dan kesesuaian pembangunan laman web e-Pembelajaran	10
	Jumlah Item Soalan	25

Dalam kajian ini, skala likert dengan lima pilihan jawapan digunakan untuk pelajar menyatakan darjah persetujuan terhadap setiap item yang dikemukakan. Lima pilihan yang dimaksudkan ialah sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), kurang setuju (3). Setuju (4) dan sangat setuju (5). Skor min adalah berdasarkan tiga tahap dimensi iaitu rendah (1.00–2.50), sederhana (2.51–3.50) dan tinggi (3.51–5.00).

3. Keputusan

Jadual 2 merupakan taburan latar belakang responden yang terlibat. Jumlah responden yang terlibat seramai 100 orang. Peratusan responden lelaki yang memberi maklumbalas ialah 32 peratus manakala baki 68 peratus ialah perempuan. Dari segi julat umur, kesemua responden yang terlibat terdiri daripada pelajar yang berumur 25 tahun ke bawah. Responden yang terlibat melibatkan pelajar Politeknik Ungku Omar yang belajar di semester satu, dua dan empat.

Jadual 2. Taburan latarbelakang responden

	Maklumat Responden	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	16	32
	Perempuan	34	68
Umur	Kurang dari 25 tahun	50	100
	25-40 tahun	0	0
Semester	41-55 tahun	0	0
	Satu	18	36
	Dua	26	52
	Tiga	0	0
	Empat	2	4
	Lima	4	8
	Enam	0	0

Jadual 3 merupakan skor min dan tahap bagi analisis data penilaian laman web e-pembelajaran yang telah dibangunkan.

Jadual 3: Skor min analisis data penilaian laman web e-Learning www.eizznan.com

Item	Pernyataan	Skor Min	Tahap
<i>Mesra Pengguna</i>			
1	Paparan penuh laman web e-Pembelajaran ini membolehkan anda melihat kandungannya dengan mudah.	4.80	Tinggi
2	Fail boleh dimuat turun dengan mudah.	4.82	Tinggi
3	Menu navigasi membantu anda menggunakan laman web e-Pembelajaran dengan mudah.	4.16	Tinggi
4	Pautan ke laman utama (<i>main page</i>) dan laman-laman tambahan memudahkan anda mengendalikan laman web e-Pembelajaran.	4.10	Tinggi
		Skor Keseluruhan	4.47
			Tinggi
<i>Interaktiviti dan Rekabentuk</i>			
5	Elemen-elemen dan ikon di dalam laman web e-pembelajaran ini sangat interaktif.	4.30	Tinggi
6	Apabila diklik, opsyen yang berkaitan di menu akan berfungsi seperti yang diharapkan.	4.10	Tinggi
7	Apabila diklik, kebanyakan pautan yang diberikan untuk ke laman web lain berfungsi dengan baik.	4.08	Tinggi
8	Paparan grafik pada sistem laman web e-pembelajaran ini amat sesuai dan menarik.	4.04	Tinggi
9	Saiz tulisan yang digunakan membuatkan laman web e-pembelajaran ini kelihatan menarik.	4.26	Tinggi
10	Latar belakang dan penggunaan warna pada paparan laman web e-pembelajaran yang digunakan adalah menarik.	4.80	Tinggi
11	Stail yang digunakan dari laman ke laman membuatkan laman web e-pembelajaran ini menarik.	4.92	Tinggi
12	Capaian antara halaman sangat interaktif.	4.04	Tinggi
		Skor Keseluruhan	4.32
			Tinggi
<i>Kegunaan dan Kesesuaian</i>			
13	Informasi yang diberikan di dalam laman web e-pembelajaran adalah menepati kehendak pengajaran dan pembelajaran.		
13	a. Teori (Nota Teori)	4.18	Tinggi
(a)			
13	b. Amali (Video & Animasi)	3.20	Sederhana
(b)			
13	c. Penilaian (Kuiz & Ujian)	3.60	Tinggi
(c)			
14	Informasi yang diberikan di dalam laman web e-pembelajaran tersebut disampaikan dengan jelas.		
(a)	a. Teori (Nota Teori)	4.84	Tinggi
(b)	b. Amali (Video & Animasi)	3.30	Sederhana
(c)	c. Penilaian (Kuiz & Ujian)	3.30	Sederhana

15	Informasi yang diberikan boleh membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	4.40	Tinggi
16	Informasi yang diberikan boleh membantu pelajar-pelajar di dalam kursus-kursus yang dipelajari.	4.50	Tinggi
17	Pautan-pautan yang disediakan dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam memperkemaskan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran.	4.38	Tinggi
18	Aplikasi laman web e-pembelajaran membantu pelajar mempraktikkan SLT (<i>Self Learning Time</i>).	4.26	Tinggi
	Skor Keseluruhan	4.00	Tinggi

4. Perbincangan

Terdapat tiga item utama yang disoal untuk mengkaji persepsi pelajar Politeknik Ungku Omar terhadap sistem e-pembelajaran yang dibangunkan. Dari segi mesra pengguna, skor min tertinggi ialah fail boleh dimuat turun dengan mudah dengan nilai 4.82. Skor min purata bagi item ini ialah 4.47 dengan tahap ‘tinggi’. Dari aspek interaktiviti dan rekabentuk, lapan soalan telah diajukan kepada responden. Skor min paling tinggi dalam bahagian ini ialah stail yang digunakan dari laman ke laman membuatkan laman web e-pembelajaran ini menarik dengan nilai 4.32. Skor min paling tinggi dalam bahagian 3 iaitu kegunaan dan kesesuaian ialah informasi yang diberikan di dalam laman web e-pembelajaran tersebut disampaikan dengan jelas (teori: nota teori) dengan nilai skor min 4.84. Secara purata, skor keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 4.00. Ini membuktikan bahawa pandangan responden terhadap laman web e-pembelajaran ini sangat memuaskan.

5. Penutup

Daripada analisis data yang diperolehi, jelas bahawa laman web e-learning yang dibangunkan berkesan dan menyeronokkan dalam proses pengajaran secara dalam talian. Pembelajaran elektronik, dalam talian, rangkaian, digital, internet, berasaskan web, multimedia atau berasaskan komputer mampu menarik minat pelajar politeknik generasi Y untuk terus meneroka. Laman web ini juga terbukti memantapkan lagi usaha kendiri pelajar kerana mereka tidak lagi malu untuk mengulangkaji pelajaran secara kendiri untuk memantapkan pemahaman diri. Selain itu, konsep pembelajaran secara aktif menjadikan pelajar boleh belajar di mana-mana sahaja dengan masa yang lebih fleksibel.

Rujukan

- Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok: UUM Press.
- Idrus, Wahyu and Buntat, Yahya (2006) *Aplikasi 'e-learning' dalam pengajaran & pembelajaran di sekolah-sekolah malaysia : isu dan cadangan perlaksanaannya*. In: Seminar TVE06, 09-10 December 2006, Hotel Sofitel Palm Resort. (Unpublished)
- Shiun, T. K. (2007). *Kajian Mengenai Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning)*.
- Wong, D. (2011). *E-learning and Doctoral Studies for Malaysian Working Adults: Exploration on the Possibilities and Challenges*. Malaysian Journal of Educational Technology, 11(4), 21–30.
- Zhang, Y. (LeaF). (2013). *Power Distance in Online Learning : Experience of Chinese Learners in U.S. Higher Education*. The National Review of Research in Open Distance Learning, 14(4), 239 – 254.